



### **GARIS PANDUAN DAN PERATURAN BERHUBUNG AURAT DI MAJLIS DAERAH TUMPAT (MDT)**

### **GARIS PANDUAN AURAT MAJLIS DAERAH TUMPAT**

#### **AURAT MUSLIMIN**

- Ketika bersendiri – bahagian kemaluan qubul dan dubur
- Ketika sesama lelaki & mahram – antara pusat dan lutut
- Ketika dengan ajnabi – antara pusat dan lutut
- Ketika solat – antara pusat dan lutut

#### **KESALAHAN AURAT MUSLIMIN**

- Mengenakan pakaian yang tidak menutup aurat
- Bersukan – mendedahkan peha dan lutut
- Solat – pakai baju singkat
- Mengenakan pakaian yang menyerupai muslimah
- Mengenakan pakaian nipis dan ketat
- Perhiasan emas dan kain sutera
- Pakaian yang terdapat slogan anti-Islam dan mengikut trend masyarakat agama lain

### **AURAT MUSLIMAH**

- Aurat wanita dengan lelaki – dari pusat hingga lutut
- Aurat sesama mahram dan wanita Islam – dari pusat hingga lutut
- Aurat wanita dengan lelaki ajnabi (sama ada lelaki Muslim atau bukan Muslim) – seluruh anggota badan kecuali muka dan pergelangan tangan

#### **PAKAIAN MUSLIMAH**

- Tudung mestilah labuh dan menutup dada dan tidak jarang
- Lengan baju panjang sehingga ke pergelangan tangan
- Kain/seluar yang dipakai mesti panjang sehingga ke buku lali
- Memakai sarung kaki
- Baju yang labuh dan longgar
- Kasut tinggi yang tidak berbunyi dan tumitnya diperbuat daripada getah

### **KESALAHAN AURAT MUSLIMAH**

- Baju singkat, ketat dan tidak melepasi punggung
- Tudung tidak menutupi dada
- Lengan baju pendek
- Pakaian ketat dan menampakkan susuk tubuh
- Kain yang dipakai terlalu singkat
- Tidak menutup kaki/tidak pakai sarung kaki
- Pakaian yang jarang dan nipis
- Solekan dan wangian yang berlebihan

### **SENARAI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG DIGUNAPAKAI**

<b>BIL</b>	<b>AKTA/UUK/PERATURAN</b>
1.	<p>Seksyen 107 (2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) –</p> <p>Kesalahan : Melanggar Syarat Atau Sekatan Yang Ditetapkan Oleh PBT/MDT</p> <p>Kompaun : Tidak lebih RM1,000.00</p> <p>Penalti Am : Denda Tidak Lebih RM2,000.00 Atau Penjara Selama</p>

	<p>Tempoh Tidak Lebih 1 Tahun Atau Kedua-duanya</p>
2.	<p>Undang-Undang Kecil 2, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian Majlis Daerah Tumpat 2019 – (Tafsiran)</p> <p>Aurat - Seluruh Tubuh Badan Wanita Kecuali Muka Dan Kedua-dua Tangan Dan Bagi Lelaki Adakah Antara Pusat Hingga Kedua-dua Lutut</p> <p>Pakaian Menutup Aurat – Pakaian Wanita Islam Yang Menutupi Seluruh Badan Kecuali Muka Dan Kedua-dua Tangan Dan Pakaian Berkenaan Hendaklah Tidak Ketat Atau Sempit Atau Nipis Sehingga Menampakkan Bentuk Tubuh Badan Dan Pakaian Lelaki Islam Adalah Antara Pusat Hingga Kedua-dua Lutut</p> <p>Pakaian Sopan – Pakaian Wanita Atau Lelaki Yang Tidak Ketat Atau Sempit Atau Nipis Sehingga Menampakkan Atau Mendedahkan Tubuh Badan Dan Tidak Mencolok Mata Pada Pandangan Umum</p>

	<p>Kompaun : Tidak lebih RM1,000.00</p> <p>Penalti Am : Denda Tidak Lebih RM2,000.00 Atau Penjara Tidak Lebih 1 Tahun Atau Kedua-duanya</p>
3.	<p>Undang-Undang Kecil 4(5)(c), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian Majlis Daerah Tumpat 2019</p> <p>Kesalahan : Melanggar Syarat Atau Sekatan Yang Dinyatakan Di Dalam Lesen Yang dikeluarkan Oleh MDT</p> <p>Kompaun : Tidak lebih RM1,000.00</p> <p>Penalti Am : Denda RM2,000.00 Atau Penjara Tidak Lebih 1 Tahun Atau Kedua-duanya</p>
4.	<p>Undang-Undang Kecil 34(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian Majlis Daerah Tumpat 2019</p> <p>Kesalahan : Pemegang Lesen Gagal Memastikan Diri Dan Pekerjanya Berpakaian Sopan Sepanjang Menjalankan Aktiviti Tred, Perniagaan Atau Perindustrian</p>

	<p>Kompaun : Tidak lebih RM1,000.00</p> <p>Penalti Am : Denda Tidak Lebih RM2,000.00 Atau Penjara Tidak Lebih 1 Tahun Atau Kedua-duanya</p>
5..	<p>Undang-Undang Kecil 34(2)(a), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian Majlis Daerah Tumpat 2019</p> <p>Kesalahan : Pemegang Lesen Yang Beragama Islam Gagal Memastikan Diri Dan Semua Pekerja Yang Beragama Islam Memakai Pakaian Menutup Aurat Dan Pekerja Bukan Beragama Islam Memakai Pakaian Sopan</p> <p>Kompaun : Tidak lebih RM1,000.00</p> <p>Penalti Am : Denda Tidak Lebih RM2,000.00 Atau Penjara Tidak Lebih 1 Tahun Atau Kedua-duanya</p>
6.	<p>Undang-Undang Kecil 34(2)(b), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian Majlis Daerah Tumpat 2019</p> <p>Kesalahan : Kesalahan : Pemegang Lesen Yang Bukan Beragama Islam Gagal Memastikan Diri Dan</p>

	<p>Pekerjanya Yang Bukan Beragama Islam Memakai Memakai Pakaian Sopan Dan Pekerja Beragama Islam Memakai Pakaian Menutup Aurat</p> <p>Kompaun : Tidak lebih RM1,000.00</p> <p>Penalti Am : Denda Tidak Lebih RM2,000.00 Atau Penjara Tidak Lebih 1 Tahun Atau Kedua-duanya</p>
7.	<p>Undang-Undang Kecil 2(1), Undang-Undang Kecil Iklan Majlis Daerah Tumpat 2019 – (Tafsiran)</p> <p>Aurat - Seluruh Tubuh Badan Wanita Kecuali Muka Dan Kedua-dua Tangan Dan Bagi Lelaki Adakah Antara Pusat Hingga Kedua-dua Lutut</p> <p>Pakaian Menutup Aurat – Pakaian Wanita Islam Yang Menutupi Seluruh Badan Kecuali Muka Dan Kedua-dua Tangan Dan Pakaian Berkenaan Hendaklah Tidak Ketat Atau Sempit Atau Nipis Sehingga Menampakkan Bentuk Tubuh Badan Dan Pakaian Lelaki Islam Adalah Antara Pusat Hingga Kedua-dua Lutut</p> <p>Pakaian Sopan – Pakaian Wanita</p>

	<p>Atau Lelaki Yang Tidak Ketat Atau Sempit Atau Nipis Sehingga Menampakkan Atau Mendedahkan Tubuh Badan Dan Tidak Mencolok Mata Pada Pandangan Umum</p> <p>Kompaun : Tidak lebih RM1,000.00</p> <p>Penalti Am : Denda Tidak Lebih RM2,000.00 Atau Penjara Tidak Lebih 1 Tahun Atau Kedua-duanya</p>
8.	<p>Undang-Undang Kecil 20(12), Undang-Undang Kecil Iklan Majlis Daerah Tumpat 2019</p> <p>Kesalahan : Iklan Yang Memaparkan Gambar Dan Pakaian Wanita Atau Lelaki Yang Berumur Lebih 12 Tahun Yang Tidak Menutup Aurat Atau Tidak Memakai Pakaian Sopan</p> <p>Kompaun : Tidak lebih RM1,000.00</p> <p>Penalti Am : Denda Tidak Lebih RM2,000.00 Atau Penjara Tidak Lebih 1 Tahun Atau Kedua-duanya</p>

# PANDUAN MENUTUP AURAT LELAKI DAN WANITA

1. Menutup aurat, bersih, sopan dan sesuai dengan akhlak seorang muslim.
2. Tidak menampakkan tubuh dan menampakkan warna kulit.
3. Pakaian tidak ketat supaya kelihatan bentuk tubuh badan.
4. Tidak menimbulkan riak.
5. Lelaki, wanita berbeza. Pakaian untuk lelaki tidak boleh dipakai wanita, begitu juga sebaliknya.
6. Larangan memakai sutera dan bulu.
7. Melabuhkan pakaian bagi wanita supaya sesuai dengan kehendak syariat.



## AURAT LELAKI

Menurut hukum ialah dari pusat hingga ke lutut

## AURAT WANITA

Seluruh anggota badannya, kecuali wajah, tapak tangan dan tapak kaki

## CARA BERPAKAIAN WANITA

Lengan baju panjang sehingga ke pergelangan



# PENTING!!! PEMAKAIAN MENUTUP AURAT BAGI LELAKI DAN PEREMPUAN

Menampakkan muka sahaja.

Melabuhkan tudung menutupi dada

Menutup hingga ke pergelangan tangan

Pakaian tebal, longgar dan tidak menyerupai lelaki

Memakai stokin

**Menutup Aurat adalah WAJIB...**

Saya menyeru kepada semua sahabat2 agar ikutlah panduan agama...insyaAllah kita akan selamat dunia akhirat. Pakaian adalah lambang hati kita. Hati yang baik akan memakai pakaian yang baik sahaja begitu juga sebaliknya.

Jangan mempertikaikan kewajiban ini...  
Berubahlah sekarang!!!  
Saya Sayang Islam.

Tidak terlalu nipis dan ketat hingga menampakkan bentuk aurat

Menutup aurat antara pusat ke lutut

Pakaian tidak menyerupai perempuan

Kalau benar sayangkan diri, agama dan umat Islam, tolonglah ikut apa yang Islam sarankan. Tinggalkan pemikiran negatif kita pada agama kita sendiri dengan mengagungkan pakaian tajaan barat yang tidak menepati tuntutan agama.